



KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,
KELUARGA DAN MASYARAKAT

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

Assalamualaikum wbt dan Salam Sejahtera,

YB Menteri/ YB Timbalan Menteri /YBhg. Datuk Dr./ YBhg. Datuk /YBhg. Dato'/YBr.
Dr./Tuan/Puan, pemantauan media KPWK pada 8 Oktober 2024.

Disediakan oleh,
Unit Komunikasi Korporat
Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat

BI L	PERKARA	SUMBER	SENTIMEN
1.	<p>Perlu perbanyakkan program suami isteri, elak pasangan kahwin, cerai</p> <p>https://www.kosmo.com.my/2024/10/07/perlu-perbanyakkan-program-suami-isteri-elak-pasangan-kahwin-cerai/</p>	Kosmo	Positif
2.	<p>Kesihatan Mental di Tempat Kerja Perlu Lebih Perhatian</p> <p>https://ikram.org.my/kesihatan-mental-di-tempat-kerja-perlu-lebih-perhatian/</p>	Ikram News	Positif
3.	<p>Wanita warga emas alami pendarahan di kepala akibat diragut</p> <p>https://www.sinarharian.com.my/article/689658/berita/semasa/wanita-warga-emas-alami-pendarahan-di-kepala-akibat-diragut</p> <p>https://www.astroawani.com/berita-malaysia/wanita-warga-emas-alami-pendarahan-di-kepala-akibat-diragut-490806</p> <p>https://www.utusan.com.my/berita/2024/10/wanita-warga-emas-cedera-parah-akibat-diragut/</p> <p>https://selangorkini.my/2024/10/wanita-78-tahun-cedera-diragut-meski-tiada-barang-berharga-dalam-beg/</p> <p>https://thesun.my/cerita/berita/wanita-warga-emas-cedera-di-kepala-akibat-diragut-LL13094681</p> <p>https://www.bharian.com.my/berita/kes/2024/10/1307942/tular-muka-tersembam-atas-tar-selepas-diragut-warga-emas-parah</p>	<p>Sinar Harian</p> <p>Astro Awani</p> <p>Utusan</p> <p>SelangorKini</p> <p>The Sun</p> <p>Berita Harian</p>	Neutral

<p>4.</p>	<p>Seorang wanita rugi RM280,000, panik diugut penyamar polis terlibat jenayah</p> <p>https://selangorkini.my/2024/10/seorang-wanita-rugi-rm280000-panik-diugut-penyamar-polis-terlibat-jenayah/</p> <p>https://www.threads.net/@mediaselangor/post/DA1AIO1IA8h</p> <p>https://www.facebook.com/100064561574910/photos/962551155906928/?_rdr</p> <p>https://selangorkini.my/2024/10/667062/</p> <p>https://selangortv.my/</p> <p>https://www.kosmo.com.my/2024/10/07/warga-emas-alami-pendarahan-kepala-akibat-disamun/</p> <p>https://www.freemalaysiatoday.com/category/bahasa/tempatan/2024/10/07/warga-emas-cedera-diragut-di-bangsar/</p>	<p>SelangorKini</p> <p>Media Selangor FaceBook</p> <p>SelangorKini</p> <p>SelangorTv</p> <p>Kosmo</p> <p>FMT</p>	<p>Neutral</p>
<p>5.</p>	<p>Derita kanak-kanak dua tahun hidap kanser mata</p> <p>https://www.kosmo.com.my/2024/10/07/derita-kanak-kanak-dua-tahun-hidap-kanser-mata/</p>	<p>Kosmo</p>	<p>Neutral</p>
<p>6.</p>	<p>Pengasuh didenda RM8,000, campur ubat selesema dalam susu bayi 18 hari</p> <p>https://www.sinarharian.com.my/article/689634/berita/semasa/pengasuh-didenda-rm8000-campur-ubat-selesema-dalam-susu-bayi-18-hari</p> <p>https://malaysiagazette.com/2024/10/07/pengasuh-didenda-rm8000-campur-ubat-selsema-dengan-susu/</p> <p>https://www.bharian.com.my/amp/berita/kes/2024/10/1307879/bekas-pengasuh-mengaku-campur-ubat-dalam-susu-bayi-18-hari</p> <p>https://www.instagram.com/beritaalhijrah/p/DA0dkzcy_JK/ https://x.com/mkini_bm/status/1843229798291915057</p> <p>https://seeni.my/article/pengasuh-didenda-rm8000-campur-ubat-selesema-dalam-susu-bayi-18-hari-astro-awani-490758</p>	<p>Sinar Harian</p> <p>Malaysia Gazette</p> <p>Berita Harian</p> <p>Insta Al Hijrah</p> <p>Seeni</p>	<p>Neutral</p>

	https://www.freemalaysiatoday.com/category/bahasa/tempatan/2024/10/07/pengasuh-mengaku-salah-campur-ubat-dalam-susu-bayi-18-hari/	FMT	
7.	STR jadi penyelamat kehidupan OKU https://www.sinarharian.com.my/article/689601/berita/nasional/str-jadi-penyelamat-kehidupan-oku	Sinar Harian	Positif
8.	Unit Pembangunan Sukan khusus untuk OKU dicadang ditubuhkan di Sarawak https://www.utusanborneo.com.my/2024/10/07/unit-pembangunan-sukan-khusus-untuk-oku-dicadang-ditubuhkan-di-sarawak https://suarasarawak.my/kpwk-cadang-tubuh-unit-pembangunan-sukan-oku/ https://utusanarawak.com.my/sarawak-tubuh-unit-pembangunan-sukan-oku/	Utusan Borneo Suara Sarawak Utusan Sarawak	Positif
9.	Warga emas rentung terperangkap dalam kebakaran https://www.astroawani.com/berita-malaysia/warga-emas-rentung-terperangkap-dalam-kebakaran-490667 https://malaysiagazette.com/2024/10/07/warga-emas-rentung-mgflash/ https://www.youtube.com/watch?v=XJWw293QZdE – SelangorTv https://www.facebook.com/MediaSelangor/videos/warga-emas-rentung-terperangkap-dalam-kebakaran/383173668200375/ https://selangortv.my/warga-emas-rentung-terperangkap-dalam-kebakaran/ https://x.com/501Awani/status/1843096702120829250 https://seeni.my/article/warga-emas-rentung-terperangkap-dalam-kebakaran-sinar-harian-689528	Astro Awani Malaysia Gazette Youtube Selangor TV FB Media Selangor Selangor TV Insta Awani Seeni	Neutral

10.	<p>Warga emas kerah keringat jaga empat cucu</p> <p>https://www.sinarharian.com.my/article/689545/edisi/kelantan/warga-emas-kerah-keringat-jaga-empat-cucu</p>	Sinar Harian	Neutral
11.	<p>Nenek jadi 'amah' jaga empat cucu</p> <p>https://www.kosmo.com.my/2024/02/13/nenek-jadi-amah-jaga-empat-cucu/</p>	Kosmo	Neutral
12.	<p>'Ku terima, akhirnya buta'</p> <p>https://www.sinarharian.com.my/article/689541/edisi/kelantan/ku-terima-akhirnya-buta</p>	Sinar Harian	Neutral
13.	<p>Ibu mangsa buli dakwa pihak sekolah lindungi pelaku</p> <p>https://www.sinarharian.com.my/article/689657/berita/semasa/ibu-mangsa-buli-dakwa-pihak-sekolah-lindungi-pelaku</p>	Sinar Harian	Neutral
14.	<p>Ibu rayu selamatkan anak gadis jadi mangsa sindiket di Myanmar</p> <p>https://www.sinarharian.com.my/article/689680/berita/semasa/ibu-rayu-selamatkan-anak-gadis-jadi-mangsa-sindiket-di-myanmar</p> <p>https://www.freemalaysiatoday.com/category/nation/2024/10/07/penang-woman-appeals-for-help-to-rescue-daughter-from-myanmar/</p>	Sinar Harian FMT	Neutral

PERLU PERBANYAKAN PROGRAM SUAMI ISTERI, ELAK PASANGAN KAHWIN, CERAI



PETALING JAYA – Orang ramai meminta pihak kerajaan khususnya Kementerian Pembangunan Wanita Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) untuk memperbanyakkan anjuran program pengukuhan rumah tangga dalam kalangan pasangan berkahwin.

Tinjauan Kosmo! di Facebook dan laman X mendapati, ramai yang meluahkan rasa risau apabila hampir setiap hari ada sahaja kes perceraian berlaku terutama dalam kalangan selebriti.

Menurut pengguna Facebook, Atiya Kassim, dia berpandangan bahawa menjadi satu keperluan untuk sekurang-kurangnya dua bulan sekali, KPWKM menganjurkan program penyatuan kasih antara suami dan isteri bagi memastikan keharmonian sesebuah rumah tangga itu.

Kata Atiya, pihak kerajaan juga boleh merancang satu kem motivasi melibatkan pasangan berkahwin bagi menyuntik rasa kasih sayang dalam kehidupan mereka.

“Takut dengan situasi sekarang. Hampir setiap hari ada kes cerai. Tak sampai 10 tahun kahwin pun dah cerai, golongan selebriti yang jadi tumpuan ramai pun tak mampu pertahankan rumah tangga.

“Apa kata perbanyakkan program-program untuk suami isteri. Saya lihat ketika ini, masih kurang program yang menyuntik emosi para isteri dan suami. Kita ikhtiar selagi mana kita boleh menyelamatkan hubungan perkahwinan yang ada,” katanya.

KESIHATAN MENTAL DI TEMPAT KERJA PERLU LEBIH PERHATIAN



SEREMBAN – Pertubuhan KASIH Malaysia, BAKRIYAH dan Wanita IKRAM Malaysia menegaskan bahawa kesihatan mental adalah sama penting dengan kesihatan fizikal.

Terjejasnya kesihatan mental dan fizikal mempengaruhi bukan sahaja kualiti hidup tetapi juga produktiviti sama ada di tempat kerja atau di rumah.

Umum mengiktiraf pejabat dirujuk sebagai tempat kerja bagi mereka yang bekerjaya. Namun mereka menegaskan, masyarakat juga harus sedar bahawa rumah adalah “tempat kerja” suri rumah setiap hari.

Ketiga-tiga pertubuhan ini telah mengeluarkan kenyataan bersama bersempena Hari Kesihatan Mental Sedunia yang akan disambut pada 10 Oktober 2024, menyeru perhatian terhadap kepentingan kesihatan mental di tempat kerja.

Menurut statistik yang dikongsikan, kajian Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) pada tahun 2023 menunjukkan bahawa satu daripada tiga pekerja di Malaysia mengalami stres berkaitan kerja.

Data daripada Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) pula mendedahkan bahawa kira-kira 15% pekerja di seluruh dunia mengalami masalah kesihatan mental seperti stres, kebimbangan dan kemurungan.

Ketiga-tiga pertubuhan ini menyokong penuh inisiatif Kementerian Sumber Manusia (KESUMA) yang telah:

1. Memperuntukkan RM12 juta untuk melatih 10,000 pemberi pertolongan cemas kesihatan mental di tempat kerja secara percuma.
2. Melaksanakan kemudahan permohonan aturan kerja anjal mengikut Seksyen 60P dan 60Q Akta Kerja 1955.

Dalam kenyataan tersebut, mereka mengemukakan tiga saranan utama:

1. Individu yang mempunyai simptom masalah kesihatan mental perlu mendapatkan bantuan profesional. Data KKM menunjukkan 70% pekerja Malaysia tidak mendapatkan bantuan walaupun mengalami stres yang teruk. Talian sokongan yang disediakan termasuk Talian KASIH oleh Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) dan Helpline MIASA.
2. Masyarakat perlu mengamalkan gaya hidup sihat dan menyokong kesejahteraan emosi serta psikologi. Usaha rawatan kerohanian seperti solat dan membaca serta memahami al-Quran, yang diketengahkan melalui program Cahaya Dhuha Sejahtera Jiwa, juga dilihat sebagai cara menenangkan jiwa.
3. Menyokong usaha majikan yang menyediakan sokongan kaunseling dan program bantuan pekerja (EAP). Menurut kajian Institute for Public Health (IPH), pekerja yang mempunyai akses kepada sokongan kesihatan mental adalah 25% lebih produktif.

WANITA WARGA EMAS ALAMI PENDARAHAN DI KEPALA AKIBAT DIRAGUT



Tular rakaman video mangsa berumur 78 tahun itu sedang berjalan kaki seorang diri ke kedai berhampiran untuk membeli surat khabar yang menjadi rutin hariannya setiap pagi.

KUALA LUMPUR - Seorang wanita warga emas parah selepas diragut penjenayah bermotosikal dalam kejadian dekat Jalan Limau Manis, Bangsar di sini pada Isnin.

Ketua Polis Daerah Brickfields, Asisten Komisioner Ku Mashariman Ku Mahmood, kejadian berlaku kira-kira jam 6.30 pagi.

"Mangsa berumur 78 tahun itu sedang berjalan kaki seorang diri ke kedai berhampiran untuk membeli surat khabar yang menjadi rutin hariannya setiap pagi.

"Mangsa didatangi suspek yang menunggang motosikal sebelum menghampiri dari belakang dan meragut beg mangsa," katanya menerusi kenyataan pada Isnin.

Katanya, kejadian mengakibatkan mangsa tersembam di atas jalan tar.

"Mangsa yang parah akibat kejadian kemudiannya dibawa ke Pusat Perubatan Universiti Malaya (PPUM) untuk rawatan lanjut.

"Mangsa mengalami pendarahan di kepala yang agak serius dan masih dalam pemantauan pasukan perubatan.

"Kes disiasat di bawah Seksyen 394 Kanun Keseksaan," katanya.

SEORANG WANITA RUGI RM280,000, PANIK DIUGUT PENYAMAR POLIS TERLIBAT JENAYAH



SEREMBAN, 7 OKT: Seorang eksekutif pembinaan di Bahau, Jempol, kerugian RM280,000 selepas diperdaya sindiket penipuan melalui panggilan telefon yang menyamar sebagai pegawai polis, semalam.

Ketua Polis Daerah Jempol Supt Hoo Chang Hook berkata wanita berusia 32 tahun itu menyatakan menerima panggilan daripada individu memperkenalkan diri sebagai seorang inspektor polis dari Melaka dan memaklumkan dia telah terlibat sewa kad bank dan cuci wang haram.

“Pengadu (wanita) menafikan hal itu, namun panggilan terbabit disambungkan kepada seorang individu kononnya seorang pegawai polis daripada Ibu Pejabat Polis Kontinjen (IPK) Melaka. Individu itu memberitahu bahawa dia menjumpai 200 kad pengenalan dan satu daripadanya adalah milik pengadu.

“Pengadu kemudiannya sekali lagi menafikan hal tersebut, sebelum diberitahu satu siasatan terperinci kewangan dijalankan,” katanya dalam satu kenyataan hari ini.

Beliau berkata wanita berkenaan diminta memindahkan semua wang dalam akaun bank bagi audit untuk memastikan tidak terlibat dengan pengubahan wang haram.

Wanita itu, katanya memindahkan wang RM280,000 ke enam akaun berasingan, sebelum diminta membuat bayaran tambahan.

“Wanita itu yang berasa curiga bertindak menghubungi IPK Melaka untuk semakan dan kemudian dimaklumkan dirinya telah ditipu,” katanya sambil menambah kes disiasat mengikut Seksyen 420 Kanun Keseksaan.

DERITA KANAK-KANAK DUA TAHUN HIDAP KANSER MATA



Zuraini memberi sumbangan buat Muhammad Faqqeh yang menghidap kanser retinoblastoma ketika berkunjung ke rumah keluarga itu di Kuala Nerang, semalam.

KUALA NERANG – Derita ditanggung Muhammad Faqqeh Adha Abu Soffian, 2, sukar digambarkan apabila matanya kelihatan membengkak akibat kanser retinoblastoma yang menyerang anak kecil itu setelah dia mengalami demam panas, setahun lalu.

Disebabkan keadaan itu, ibunya Nor Ashma Abdullah, 43 serta bapa, Abu Soffian Ghazali, 51, sering memendam rasa menyaksikan dugaan dihadapi anak bongsunya itu.

Menurut Nor Ashma, ada kalanya benjolan di mata kanan Muhammad Faqqeh seakan pecah dan mengeluarkan darah yang banyak sehingga dia dan suami terpaksa memendam rasa melihat keadaan itu.

“Muhammad Faqqeh mula dikesan menghidap kanser tersebut selepas mengalami demam panas sewaktu berusia sembilan bulan. Matanya pada masa itu kelihatan bersinar seperti mata kucing.

“Namun kami tidak mengesyaki apa-apa sebelum matanya kelihatan membengkak dan merah. Berikutan itu, saya terus membawanya ke klinik kesihatan berhampiran yang merujuknya ke Hospital Sultanah Bahiyah (HSB).

“Di HSB, doktor menjalankan ujian darah dan berdasarkan sampel darah yang diambil, dia disahkan menghidap kanser retinoblastoma,” katanya ketika ditemui pemberita sewaktu menerima kunjungan Pengerusi Cancer Survivors Malaysia (CSM), Zuraini Kamal di rumahnya dekat Kampung pasir Puteh, Mukim Tualak di sini semalam.

PENGASUH DIDENDA RM8,000, CAMPUR UBAT SELESEMA DALAM SUSU BAYI 18 HARI

KUALA LUMPUR - Seorang pengasuh didenda RM8,000 oleh Mahkamah Sesyen di sini hari ini selepas mengaku bersalah menganiaya seorang bayi lelaki berusia 18 hari dengan mencampurkan ubat selesema ke dalam botol susu kanak-kanak itu, bulan lepas.

Hakim Dr Azrol Abdullah menjatuhkan hukuman berkenaan ke atas Hew Foong Chun, 66, dan memerintahkan tertuduh dipenjara sembilan bulan jika gagal membayar denda.

Mahkamah turut memerintahkan wanita itu dikenakan bon berkelakuan baik selama dua tahun berserta cagaran RM1,000 dengan seorang penjamin selain diperintah melaksanakan khidmat masyarakat selama 90 jam dalam tempoh enam bulan bermula hari ini.

Mengikut pertuduhan, Hew didakwa melakukan penganiayaan terhadap bayi lelaki berusia 18 hari ketika kejadian dengan mencampurkan ubat selesema ke dalam botol susu mangsa sehingga boleh menyebabkan kesihatan mangsa terjejas.

Perbuatan itu dilakukan di sebuah residensi di Bukit Jalil, Cheras, di sini pada 2.21 pagi, 15 September lepas mengikut Seksyen 31(1)(a) Akta Kanak-Kanak 2001 yang memperuntukkan hukuman denda maksimum RM50,000 atau penjara maksimum 20 tahun atau kedua-duanya.

STR JADI PENYELAMAT KEHIDUPAN OKU

DALAM usaha meningkatkan kesejahteraan rakyat, kerajaan Malaysia telah melaksanakan pelbagai program bantuan bertujuan membantu keluarga berpendapatan rendah termasuk yang mempunyai bilangan anak ramai.

Bantuan itu bukan sahaja memberikan sokongan kewangan malah menyediakan pelbagai kemudahan lain untuk meringankan beban ibu bapa dalam menyara keluarga lebih-lebih lagi golongan Orang Kurang Upaya (OKU).

Ibu kepada empat anak yang juga OKU penglihatan, Rosnah Tahar, 49, mengakui bantuan sara hidup, Sumbangan Tunai Rahmah (STR) diberikan kerajaan telah menjadi penyelamat keluarganya menempuhi ekonomi yang semakin mencabar kini.

"Bantuan STR yang saya terima sepenuhnya digunakan untuk empat anak yang masih bersekolah. Kami gunakan untuk membayar yuran, membeli buku dan peralatan bagi persekolahan.

"Gaji bulanan saya dan suami sebenarnya cuma cukup untuk tampung makan minum harian. Jadi STR ini membantu menampung keperluan keluarga," katanya kepada Sinar Harian.

Katanya, wang bantuan berkenaan turut digunakan untuk pusingan modal pemiagaan ikan pekasamnya.

UNIT PEMBANGUNAN SUKAN KHUSUS UNTUK OKU DICADANG DITUBUHKAN DI SARAWAK

KUCHING: Kementerian Pembangunan Wanita, Kanak-Kanak dan Kesejahteraan Komuniti mencadangkan penubuhan Unit Pembangunan Sukan khusus untuk orang kurang upaya (OKU) di negeri ini.

Menterinya Dato Sri Fatimah Abdullah berkata unit tersebut akan diletakkan di bawah kementeriannya.

"Penubuhan unit ini adalah untuk memberi fokus dan membuat persiapan rapi dalam pembangunan sukan serta pertandingan yang akan disertai oleh atlet para," katanya.

Beliau berkata demikian ketika berucap pada Majlis Penyampaian Insentif Kontinjen Sarawak sempena Para SUKMA XXI 2024 yang disempurnakan oleh Premier Sarawak Datuk Patinggi Tan Sri Abang Johari Tun Openg di sini, hari ini.

Mengulas lanjut Fatimah berkata unit itu perlu diwujudkan sebagai usaha program pengenalan bakat dan pembangunan yang agresif serta kolaboratif untuk atlet para.

“Kita tahu pesaing terdekat kita sangat aktif mencari bakat baharu. Jadi, kita tidak boleh ketinggalan.

“Kita perlu lebih agresif dan bekerjasama dengan institusi dan jabatan tertentu untuk pengenalan serta pembangunan bakat OKU,” katanya.

Beliau turut memberitahu program pembangunan profesional dan kursus sains sukan yang dikemas kini akan dijalankan untuk jurulatih.

“Ini penting untuk meneruskan program pendedahan di peringkat kebangsaan dan antarabangsa bagi atlet para dan jurulatih,” katanya.

Dalam pada itu, Fatimah yang juga Pengerusi Olimpik Khas Sarawak memaklumkan bahawa Sukan Olimpik Khas Peringkat Negeri akan diadakan di Kuching pada tahun depan.

“Jawatankuasa Olimpik Khas Malaysia telah merisik (memilih) Sarawak menjadi tuan rumah Sukan Olimpik Khas Kebangsaan 2025.

"Namun saya maklumkan mereka bahawa saya perlu mendapat kelulusan daripada Premier kita dan jika beliau setuju, maka kita boleh menganjurkannya di negeri ini," katanya.

WARGA EMAS RENTUNG TERPERANGKAP DALAM KEBAKARAN

KUDAT: Seorang wanita warga emas ditemukan rentung selepas kediamannya musnah dalam kebakaran di Kampung Pituru, di sini malam tadi.

Dalam kejadian kira-kira jam 8 malam itu, Lo Hiong Lan, 76, yang tinggal sendirian ditemukan di ruang tamu tingkat bawah rumah tersebut.

Ketua Balai Bomba dan Penyelamat (BBP) Kudat, Ishak Jabas berkata, seramai tiga anggota dikejar ke lokasi kejadian yang terletak sejauh 45 kilometer dari BBP Kudat selepas menerima panggilan pada jam 8.10 malam.

"Kebakaran membabitkan sebuah rumah dua tingkat terbakar sepenuhnya dan dipadamkan orang kampung sebelum ketibaan pasukan bomba," katanya ketika dihubungi Sinar Harian hari ini.

Katanya lagi, mangsa ditemukan rentung ketika proses pemeriksaan dan pemadaman susulan, sebelum mayat diserahkan kepada polis untuk tindakan lanjut.

WARGA EMAS KERAH KERINGAT JAGA EMPAT CUCU

KOTA BHARU - Seorang warga emas di Kampung Batu 11, Binjai, Ketereh di sini terpaksa mengerah keringat menjaga empat cucu selepas anaknya tidak lagi dapat bekerja akibat masalah tulang.

Lebih menyedihkan, Halijah Mamat, 75, turut mengalami kencing manis, darah tinggi dan sakit saraf menyebabkan pergerakannya terbatas.

Menurut Halijah, dia mengambil alih menjaga kesemua cucunya yang berusia antara lima hingga 18 tahun sejak lapan tahun lalu selepas anak lelakinya, Abdul Mukmin Hassan, 45, terjatuh pokok rambutan.

"Saya akan terus menggagahkan kudrat menjaga mereka walaupun tidak sihat dan memerlukan rehat," katanya ketika ditemui di rumahnya pada Ahad.

Halijah juga tidak dapat menolak permintaan cucu sulungnya, Mohd Aiman Firdaus, 18, dan kedua Nor Amani Syamimi, 13, yang mahu bekerja bagi membantu keluarga.

"Mohd Aiman Firdaus tidak mahu menyambung pelajaran selepas mendapat keputusan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) manakala adiknya akan bekerja selepas pulang dari sekolah.

NENEK JADI 'AMAH' JAGA EMPAT CUCU

JOHOR BAHRU – Seorang warga emas hilang arah tuju apabila perlu menjaga empat cucunya dalam keadaan dirinya tidak berdaya untuk mencari nafkah bagi membesarkan mereka.

Normah Asinar, 70, berkata, keadaan bertambah teruk apabila dia dan cucu-cucunya berusia antara tujuh bulan hingga 11 tahun dihalau dari rumah pusaka di Labis, Segamat pada awal bulan ini dan kini menetap di Projek Perumahan Rakyat (PPR) Kempas Permai di sini.

Katanya, dia hanya bergantung kepada bantuan Jabatan Kebajikan Masyarakat dan Majlis Agama Islam Negeri Johor sebanyak RM1,000 kerana sudah tidak larat mencari rezeki.

"Ketika tinggal di Labis, saya sebagai kerja tukang cuci di sebuah bank dan menjual cendol selain menanam ubi kayu di keliling rumah, tetapi di sini saya tidak tahu hendak buat apa.

"Ada masa terpaksa ikat perut dan makan nasi lima hari sekali. Keadaan bertambah rumit apabila cucu bongsu perlu menjalani empat pembedahan akibat sumbing," katanya ketika ditemui di sini.